



TUKUN kapal terbang ringan yang ditenggelamkan di Pulau Lang Tengah, Terengganu catat rekod baharu Malaysia Book of Records.  
- Gambar Ihsan PPTD Divers

HARIAN METRO 26/5/2022 MS: 8

## Pesawat ringan jadi tukun catat rekod dalam MBR

**Kuala Nerus:** Tukun kapal terbang ringan Piper PA-31 Navajo atau Chieftain yang ditenggelamkan di Pulau Lang Tengah, Terengganu Jumaat lalu berjaya mencatat rekod baharu *Malaysia Book of Records* (MBR).

Presiden Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD) Malaysia, Datuk Seri Sallehhuddin Hassan berkata, PPTD Divers menurunkan kapal terbang ringan terbabit ke dasar laut pada kedalaman 18 meter sebagai tukun rekreasi.

"Usaha untuk menenggelamkan kapal terbang bermula dilaksanakan bermula 19 Mei hingga 22 Mei lalu, sekali gus kali pertama dilakukan di Malaysia.

"Ia diharapkan dapat membantu pemeliharaan dan pemuliharaan hidupan marin dengan menggalakkan pertumbuhan terumbu karang di samping menjadi salah satu tarikan di Pulau Lang Tengah," katanya da-

lam kenyataan, di sini.

Sallehhuddin berkata, ketika perancangan projek bermula, PPTD mendapatkan pengesahan Bahagian Taman Laut, Jabatan Perikanan Malaysia; Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (Mafi) termasuk MBR.

"Ia bagi memastikan semua garis panduan dan piaawaian berkaitan termasuk aspek keselamatan alam sekitar diambil kira dan di-

patuh agar tukun yang ditenggelamkan adalah mesra alam kepada kehidupan marin.

"Kapal terbang itu melalui proses pengubabsuaian enjin, tingkap dan beberapa bahagian pesawat dibawa keluar bagi menggalakkan pembiakan hidupan laut serta memudahkan penyelem untuk menikmati pengalaman di tukun berkenaan," katanya.